

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

SOALAN : 207

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan senarai semua syarikat-syarikat telekomunikasi dan keuntungan yang diperoleh pada tahun 2014 dan 2015. Adakah caj-caj tertentu yang dikenakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi merugikan pelanggan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ali Yang Berhormat, jumlah keuntungan bagi syarikat-syarikat telekomunikasi DiGi, Celcom, Maxis, Telekom Malaysia dan TIME Dotcom untuk tahun 2014 dan 2015 adalah seperti berikut:

Syarikat Telekomunikasi	Keuntungan selepas Cukai (PAT) (RM '000,000)	
	2014	2015
Digi	2,030	1,720
Celcom	2,000	1,700
Maxis	1,725	1,747
TM	842.5	591.8
TIME Dotcom	172.4	465.37
JUMLAH KESELURUHAN	<u>6,770</u>	<u>6,224</u>

Bagi tempoh Januari hingga Mei tahun 2016, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menerima 23 aduan terhadap salah satu pemberi perkhidmatan mengenai kadar yang tidak berpatutan. Perbincangan dengan pihak

SOALAN NO: 207

pemberi perkhidmatan tersebut telah dibuat dalam mendapatkan penyelesaian ke atas aduan-aduan tersebut. Hasil daripada beberapa perbincangan, pakej tersebut telah diubah untuk menjadi lebih mesra pengguna.

Untuk makluman, pihak Kementerian melalui SKMM bersama-sama dengan pihak pemberi perkhidmatan telekomunikasi sentiasa mencari kaedah terbaik dalam memberikan perkhidmatan telekomunikasi yang memuaskan kepada seluruh rakyat di Malaysia.

Untuk makluman juga, caj-caj bagi perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar adalah tidak dikawal dan bergantung kepada perancangan komersial oleh pihak pembekal-pembekal perkhidmatan masing-masing. Oleh itu, syarikat-syarikat telekomunikasi diberikan liberalisasi dalam menetapkan kadar bagi perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar bagi mewujudkan persaingan yang sihat, menarik pelaburan, dan seterusnya berlumba menyediakan mutu perkhidmatan terbaik mengikut keperluan dan mampu milik pengguna.

Walaupun caj perkhidmatan ini tidak dikawal, pembekal perkhidmatan masih perlu mematuhi setiap peraturan dan prinsip sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ("AKM 1998") iaitu:

- i. Kadar mestilah adil;
- ii. Kadar hendaklah diorientasikan terhadap kos;
- iii. Kadar hendaklah tidak mengandungi diskaun yang tidak munasabah memudaratkan persaingan;
- iv. Kadar hendaklah distrukturkan untuk menarik pelaburan; dan
- v. Kadar hendaklah mengambil kira peraturan-peraturan dan saranan daripada organisasi antarabangsa di mana dianggotai oleh Malaysia.

Hasil daripada persaingan yang wujud di antara pembekal perkhidmatan telah terbukti mampu menurunkan harga pasaran dan akhirnya memberi keuntungan kepada pengguna.

Di samping itu, pengguna juga adalah disyorkan supaya meneliti dan memilih pakej langganan berdasarkan kepada keperluan supaya menguntungkan mereka.